

Tasawwur
Islam
Kertas 2
Oktober
2016
2 ½ jam



**SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM
JABATAN PENDIDIKAN KELANTAN**

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN
TAHUN 2016**

**PERATURAN PEMARKAHAN
TASAWWUR ISLAM
TINGKATAN 4**

Kertas 2

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

SKEMA KERTAS 1
BAHAGIAN A

1.	D	2.	B	3.	D	4.	A	5.	C
6.	D	7.	A	8.	D	9.	A	10.	D
11.	A	12.	B	13.	C	14.	B	15.	B
16.	C	17.	B	18.	C	19.	C	20.	A

BAHAGIAN B

21.	Kapitalisme
22.	Materialisme
23.	Ajaran Sesat
24.	Sekularisme
25.	1
26.	5
27.	20
28.	4
29.	Karamah
30.	Irhas
31.	Maunah
32.	Sihirf
33.	Huriyyah /Musawah
34.	Huriyyah /Musawah
35.	Al-quran
36.	Ijmak
37.	✓
38.	X
39.	✓
40.	X

Soalan 1 wajib dijawab dan pilih mana-mana **empat** soalan yang lain

No Soalan			Skema	Markah
1	(a)	(i)	<p>Maksud Fitrah beragama ialah .</p> <ul style="list-style-type: none"> Naluri semulajadi manusia yang mengakui adanya Allah SWT sebagai tuhan yang mencipta dan mentadbir alam ini. 	<p>[2 markah]</p> <p>1 isi X 2 m</p>
		(ii)	<p>Peranan agama kepada kehidupan manusia</p> <ol style="list-style-type: none"> Agama berperanan sebagai pembimbing manusia (1m) ke jalan yang benar (1m) seperti hanya mentauhidkan Allah SWT sahaja (1m) dengan itu manusia terlepas daripada perbuatan syirik Sebagai penjelas kepada manusia (1m) tentang perkara-perkara ghaib (1m) seperti syurga dan neraka (1m) kesannya manusia akan mentaati segala perintah Allah SWT (1m) Sebagai penyampai berita gembira dan berita buruk (1m) sebagai peringatan kepada manusia / (1m) seperti balasan neraka kepada orang yang melakukan dosa (1m) kesimpulannya manusia akan menjauhi perbuatan dosa (1m) <ul style="list-style-type: none"> Mana-mana jawapan yang munasabah diterima 	<p>1 isi X 1 m 1 Huraian X 1 m 1 Contoh X 1 m 1 Kesimpulan X 1 m</p> <p>[4markah]</p>
		(iii)	<p>Ciri orang yang berpegang teguh dengan ajaran agama</p> <ol style="list-style-type: none"> Sentiasa reda dengan ketentuan Allah SWT(1m) yang berlaku keatas dirinya (1m) seperti ditimpa kemalangan (1m) dengan itu kehidupannya menjadi tenang Bersyukur dengan nikmat yang dimiliki (1m) dengan cara memanfaatkan ke jalan Allah SWT (1m) seperti bersedekah (1m) oleh itu rezekinya akan diberkati oleh Allah SWT Memiliki kesempurnaan akhlak (1m) seperti menghormati rakan, jiran (1m) serta tidak terlalu mencintai dunia (1m) dengan itu mereka kan disayangi oleh orang ramai (1m) <ul style="list-style-type: none"> Mana-mana jawapan yang munasabah diterima 	<p>1 isi X 1 m 1 Huraian X 1 m 1 Contoh X 1 m 1 Kesimpulan X 1 m</p> <p>[4markah]</p>
	(b)	(i)	<p>Dua hikmah Allah SWT merahsiakan alam ghaib</p> <ol style="list-style-type: none"> Menunjukkan kekuasaan Allah SWT kepada makhluknya Menguji keimanan manusia kepada perkara ghaib Meningkatkan ilmu pengetahuan manusia terhadap alam ghaib Menilai sejauh mana ketaatan manusia kepada perintah Allah SWT. Mengukuhkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. <ul style="list-style-type: none"> Mana-mana jawapan yang munasabah diterima 	<p>[2 markah]</p> <p>2 Isi X 1m</p>
		(ii)	<p>Empat contoh alam ghaib yang dilalui oleh manusia selepas mereka meninggal dunia.</p> <ol style="list-style-type: none"> Alam roh Mati Alam kubur Kiamat Hari Kebangkitan <ul style="list-style-type: none"> Mana-mana jawapan yang munasabah diterima 	<p>[4 markah]</p> <p>4 Isi X 1 m</p>
		(ii)	<p>Cara yang anda dapat lakukan bagi mengekalkan keindahan alam musyahadah</p> <ol style="list-style-type: none"> Menjaga kebersihan alam sekitar (1m) daripada sebarang pencemaran (1m) seperti membuang sampah di tempat yang dikhaskan (1m) dengan itu keindahan alam ini sentiasa terjaga (1m) Menjaga kebersihan udara (1m) daripada pencemaran karbon dioksida (1m) 	<p>1 isi X 1 m 1 Huraian X 1 m 1 Contoh X 1 m</p>

No Soalan		Skema	Markah
		<p>contohnya membakar sampah hanya di tempat yang disediakan(1m) dengan itu udaya sentiasa bersih (1m)</p> <p>3. Membantu program keceriaan sekolah(1m) (1m) (1m) (1m)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mana-mana jawapan yang munasabah diterima 	<p>1 Kesimpulan X 1 m</p> <p>[4markah]</p>
2	(a)	(i) <p>Maksud fardu ain dan contoh</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ilmu yang wajib dipelajari dan diketahui oleh setiap umat Islam yang mukalaf seperti ilmu yang berkaitan dengan amalan yang wajib diketahui dan diamalkan oleh setiap umat Islam. Orang yang tidak mempelajari ilmu ini akan berdosa. Contohnya ilmu tentang solat, bersuci dan sebagainya 	<p>[2 markah]</p> <p>1 Isi X 1 m</p> <p>1 Contoh X 1 m</p>
		(ii) <p>Sebab umat Islam wajib mempelajari ilmu fardu ain Dengan mempelajari ilmu fardu ain umat Islam</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Dapat mengetahui perkara asas dalam Islam (1m) dengan lebih mendalam (1m) seperti mempelajari ilmu tentang bersuci dan sebagainya (1m) dengan itu ibadatnya akan diterima oleh Allah SWT (1m) 2. Dapat memantapkan keimanan (1m) dengan lebih teguh (1m) seperti mempelajari ilmu akidah (1m) kesannya imannya menjadi lebih kukuh 3. Dapat meningkatkan lagi kefahaman mereka (1m) tentang ajaran Islam yang sebenar (1m) seperti hakikat ketuhanan yang sebenarnya (1m) kesimpulannya mereka tidak akan mudah dipengaruhi oleh ajaran sesat (1m) <ul style="list-style-type: none"> • Mana-mana jawapan yang munasabah diterima 	<p>1 isi X 1 m</p> <p>1 Huraian X 1 m</p> <p>1 Contoh X 1 m</p> <p>1 Kesimpulan X 1 m</p> <p>[4markah]</p>
		(iii) <p>Keistimewaan wahyu al-Quran</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bersifat waqiiyyah (1m) iaitu kandungan al-Quran sesuai untuk semua bangsa, tempat dan zaman. (1m).. (1m). .(1m) 2. Al-Quran bersifat thabat(1m) iaitu kekal dan terpelihara (1m) sehingga ke hari kiamat (1m) (1m) 3. Keindahan bahasa(1m) al-Quran tidak dapat ditandingi oleh mana-mana kitab yang lain. (1m) (1m) 4. Membacanya mendapat pahala sepuluh ganjaran bagi setiap huruf <ul style="list-style-type: none"> • Mana-mana jawapan yang munasabah diterima 	<p>1 isi X 1 m</p> <p>1 Huraian X 1 m</p> <p>1 Contoh X 1 m</p> <p>1 Kesimpulan X 1 m</p> <p>[4markah]</p>
	(b)	(i) <p>Maksud akal Akal ialah daya upaya manusia untuk berfikir</p>	<p>[2 markah]</p> <p>1 Isi X 2 m</p>
		(ii) <p>Peranan akal dalam melahirkan umat yang cemerlang</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Akal membolehkan manusia meneroka (1m) pelbagai bidang ilmu dan kemahiran (1m) seperti ilmu kejuruteraan dan kedokteran (1m) dengan itu mereka dapat membina tamadun yang berteraskan wahyu 2. Akal dapat membezakan (1m) antara kebaikan dan keburukan sesuatu perkara (1m) kesannya manusia akan melakukan kebaikan dan meninggalkan keburukan (1m) oleh itu ianya akan dapat melahirkan umat yang terbaik 3. Akal dapat membimbing manusia (1m) dalam mengamalkan perintah Allah SWT dan meninggalkan laranganNya (1m) contohnya cara mendirikan solat (1m) dengan itu ia dapat mengangkat martabat manusia ke tahap yang lebih mulia (1m) <ul style="list-style-type: none"> • Mana-mana jawapan yang munasabah diterima 	<p>1 isi X 1 m</p> <p>1 Huraian X 1 m</p> <p>1 Contoh X 1 m</p> <p>1 Kesimpulan X 1 m</p> <p>[4markah]</p>

No Soalan		Skima	Markah
	(iii)	<p>Perbuatan yang boleh merosakkan akal</p> <p>1. Penyalahgunaan dadah (1m) akan menyebabkan akal manusia tidak dapat berfikir dengan rasional (1m) seperti mereka sanggup membunuh kerana dipengaruhi oleh dadah (1m) dengan itu akan menyebabkan kemusnahan hidup manusia.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mana-mana jawapan yang munasabah diterima 	<p>1 isi X 1 m 1 Huraian X 1 m 1 Contoh X 1 m 1 Kesimpulan X 1 m</p> <p>[4markah]</p>
3	(a)	(i) <p>Maksud Islam sebagai addin</p> <p>Islam adalah agama yang mengatur cara hidup yang lengkap dan sempurna yang meliputi setiap aspek kehidupan manusia samada di dunia maupun di akhirat.</p>	<p>[2 markah] 1 Isi X 2 m</p>
	(ii)	<p>Bukti Islam sebagai addin</p> <p>1. Ajaran Islam datangnya daripada Allah SWT (1m) melalui al-Quran dan hadis (1m) yang sesuai dengan fitrah semulajadi manusia (1m) contohnya pengharaman zina kesimpulannya Islam bebas daripada campurtangan manusia</p> <p>2. Agama Islam bersifat syumul (1m) iaitu merangkumi setiap aspek kehidupan manusia (1m) seperti, politik, ekonomi, sosial (1m) kesimpulannya Islam adalah agama yang sempurna.</p> <p>3. Ajartan Islam adalah bersifat waqiiyyah (1m) iaitu tidak terhad kepada sesuatu bangsa dan kaum tertentu (1m) contohnya kewajipan solat dikenakan kepada semua manusia (1m) kesimpulannya Islam adalah agama yang sesuai dengan fitrah manusia</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mana-mana jawapan yang munasabah diterima 	<p>1 isi X 1 m 1 Huraian X 1 m 1 Contoh X 1 m 1 Kesimpulan X 1 m</p> <p>[4markah]</p>
	(iii)	<p>Kesan kepada seseorang yang meragui kesucian dan kesyumulan ajaran Islam</p> <p>1. Akan mendapat dosa dan kemurkaan Allah SWT (1m) kerana mengingkari perintah Allah SWT (1m) dengan itu kehidupan mereka tidak diberkati (1m) kesannya mereka akan mendapat azab yang pedih di akhirat kelak (1m)</p> <p>2. Setiap amalan kebajikan yang dilakukan (1m) akan menjadi sia-sia (1m) kerana akidahnya telah terpesong dan terkeluar daripada agama Islam (1m) kesannya amalan beliau tidak diberikan pahala oleh Allah SWT</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mana-mana jawapan yang munasabah diterima 	<p>1 isi X 1 m 1 Huraian X 1 m 1 Contoh X 1 m 1 Kesimpulan X 1 m</p> <p>[4markah]</p>
	(b)	(i) <p>Maksud hadis</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hadis bermaksud sesuatu yang diterima daripada Rasulullah SAW sama ada perkataan, perbuatan atau pengakuan baginda. 	<p>[2 markah] 1 Isi X 2 m</p>
	(ii)	<p>Kepentingan hadis dalam menguatkan al-Quran :</p> <p>1. Menguatkan hukum (1m) yang terdapat nasnya dalam al-Quran (1m) contohnya mengenai kewajipan solat (1m) yang diterangkan cara-cara mendirikan solat oleh Rasulullah melalui hadis baginda (1m)</p> <p>2. Menghuraikan dan menjelaskan (1m) nas-nas al-Quran yang mujmal atau umum (1m) contohnya hadis menerangkan jenis harta yang diwajibkan zakat, (1m) kerana al-Quran hanya memerintahkan untuk mengeluarkan zakat tanpa memperincikannya. (1m)</p> <p>3. Mentakhsiskan atau mengkhususkan (1m) maksud nas yang umum (1m) contohnya mengenai pembahagian pusaka (1m) tidak termasuk kepada anak-anak nabi sedangkan nas al-Quran menyatakan bahawa pusaka mestilah dibahagikan mengikut kaedah yang telah ditetapkan. (1m)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mana-mana jawapan yang munasabah diterima 	<p>1 isi X 1 m 1 Huraian X 1 m 1 Contoh X 1 m 1 Kesimpulan X 1 m</p> <p>[4markah]</p>

No Soalan		Skema	Markah	
	(c)	<p>Cadangan bagi mengatasi masalah pengaruh budaya asing dalam kehidupan remaja muslim</p> <ol style="list-style-type: none"> Kembali kepada ajaran Islam (1m) yang sebenar (1m) dengan cara mengamalkan cara hidup Islam secara menyeluruh dalam kehidupan seharian(1m) kesannya pengaruh luar akan dapat dibendung (1m) Memperkukuhkan dan memantapkan akidah Islam (1m) dalam diri umat Islam (1m) dengan memberikan didikan agama yang sempurna kepada anak-anak sejak dari kecil (1m) kesannya mereka tidak mudah terpengaruh Mendalami ilmu agama (1m) dengan sentiasa menuntut ilmu sepanjang masa (1m) contohnya sentiasa mengikuti kuliah agama dan sebagainya (1m) kesimpulannya akan memantapkan fahaman mereka terhadap agama (1m) Mengawal fahaman-fahaman tersebut (1m) daripada tersebar (1m) dengan menapis berita-berita dalam media massa. Kesannya fahaman tersebut akan terkawal <ul style="list-style-type: none"> Mana-mana jawapan yang munasabah diterima 	<p>1 isi X 1 m 1 Huraian X 1 m 1 Contoh X 1 m 1 Kesimpulan X 1 m</p> <p>[4markah]</p>	
4	(a)	(i)	<p>Pengertian Rabaniyyah Semua hukum, konsep, prinsip, nilai dan peraturan Islam adalah secara mutlak daripada Allah SWT</p>	<p>[2 markah] 1 Isi X 2 m</p>
		(ii)	<p>Dua prinsip Rabaniyyah</p> <ol style="list-style-type: none"> Islam agama yang diwahyukan oleh Allah SWT melalui perantaraan Malaikat Jibril kepada Rasulullah SAW Islam bersih dan jitu daripada sebarang kekurangan, kejahilan dan dorongan hawa nafsu manusia. Islam dan seluruh alam merupakan hak milik mutlak Allah SWT. Allah SWT sebagai pencipta peraturan hidup untuk menjamin kesejahteraan hidup manusia di dunia dan akhirat 	<p>[4 markah] 2 Isi X 2 m</p>
		(iii)	<p>Cara menghayati sifat Rabaniyyah dalam kehidupan seharian</p> <ol style="list-style-type: none"> Percaya dan yakin (1m) dengan segala rukun iman (1m) seperti beriman dengan perkara ghaib (1m) dengan itu kehidupan akan menjadi lebih tenang (1m) Mengerjakan (1m) segala perintah Allah SWT (1m) seperti bersolat dan menyingkalkan segala laranganNya (1m) kesannya manusia akan dikasihi oleh Allah SWT <ul style="list-style-type: none"> Mana-mana jawapan yang munasabah diterima 	<p>1 isi X 1 m 1 Huraian X 1 m 1 Contoh X 1 m 1 Kesimpulan X 1 m</p> <p>[4markah]</p>
	(b)	(i)	<p>Maksud waqiiyyah Ajaran Islam bersifat praktikal dan sesuai dengan fitrah semulajadi manusia tanpa mengira bangsa, keturunan dan warna kulit serta boleh diamalkan dalam kehidupan manusia</p>	<p>[2 markah] 1 Isi X 2 m</p>
		(ii)	<p>Dua prinsip waqiiyyah</p> <ol style="list-style-type: none"> Ajaran Islam bersifat praktikal bukan utopia serta mampu diamalkan oleh semua manusia. Islam mampu menyelesaikan sebarang masalah kehidupan manusia. Islam memberi ruang kepada perkembangan fikiran dan tamadun ilmu dengan menggalakkan umatnya supaya berfikir secara positif bagi memajukan ummah 	<p>[4 markah] 2 Isi X 2 m</p>
		(iii)	<p>Bukti Islam bersifat wasatiyyah dalam beribadat</p> <ol style="list-style-type: none"> Ibadat dalam Islam (1m) tidak membeban dan menyusahkan manusia (1m) contohnya kewajipan berzakat hanya dikenakan keatas orang yang berharta sahaja 	<p>1 isi X 1 m 1 Huraian X 1 m 1 Contoh X 1 m</p>

No Soalan			Skema	Markah
			<p>(1m) kesimpulannya ibadat tersebut sesuai dengan keupayaan manusia (1m)</p> <p>2. Ibadat dalam Islam sesuai dengan fitrah dan naluri semulajadi manusia (1m) yang sukakan perkara kebaikan (1m) contohnya solat boleh di jamak dan di qasakan jika dalam bermusafir atau sakit (1m) kesimpulannya ibadat dalam Islam dilakukan mengikut keadaan dan kemampuan seseorang(1m)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mana-mana jawapan yang munasabah diterima 	<p>1 Kesimpulan X 1 m</p> <p>[4markah]</p> <p>KBAT</p>
5	(a)	(i)	<p>Dua Prinsip negara Islam</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Syura iaitu semua keputusan dilakukan berdasarkan kepada keputusan mesyuarat 2. Huriyyah iaitu rakyat bebas melaksanakan aktiviti kehidupan mereka asalkan tidak melanggar batasan syarak 3. Adalah iaitu keadilan ditegakkan kepada semua rakyat tanpa mengira bangsa dan kedudukan 4. Musawah iaitu semua rakyat adalah sama kedudukan mereka disisi undang-undang negara 	<p>[4 markah]</p> <p>2 Isi X 2 m</p>
		(ii)	<p>Matlamat penubuhan negara Islam</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Untuk melaksanakan hukum Allah s.w.t. (1m) secara menyeluruh (1m) (1m) dengan itu hukum Allah SWT dapat tertegak 2. Untuk menegakkan keadilan (1m) kepada semua rakyat (1m) kesannya rakyat hidup dengan selesa (1m) 3. Untuk melaksanakan kebajikan (1m) dalam negara (1m) akhirnya nasib rakyat terbelah (1m) <ul style="list-style-type: none"> • Mana-mana jawapan yang munasabah diterima 	<p>2 isi X 1 m</p> <p>2 Huraian X 1 m</p> <p>2 Kesimpulan X 1 m</p> <p>[6 markah]</p>
	(b)	(i)	<p>Maksud majlis syura</p> <p>Perbincangan dan permuafakatan sekumpulan ulamak dalam hal-hal yang berkaitan dengan kepentingan masyarakat berdasarkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT. Contoh : proses melantik pemimpin dibuat melalui pemilihan oleh ahli majlis syura.</p>	<p>[2 markah]</p> <p>1 Isi X 2 m</p>
		(ii)	<p>Kepentingan majlis syura kepada sistem pemerintahan negara</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Sesuatu perancangan dapat dilaksanakan (1m) dengan berkesan (1m) kerana mengambil pendapat ramai melalui perbincangan dan mesyuarat (1m) dengan itu sistem pemerintahan berjalan lancar (1m) <ul style="list-style-type: none"> • Mana-mana jawapan yang munasabah diterima 	<p>1 isi X 1 m</p> <p>1 Huraian X 1 m</p> <p>1 Contoh X 1 m</p> <p>1 Kesimpulan X 1 m</p> <p>[4markah]</p>
	(c)		<p>4 Elemen penting dalam pembentukan sesebuah negara</p> <ul style="list-style-type: none"> • Rakyat / warganegara • Wilayah / negara • Ketua negara / khalifah • Pentadbiran / penguatkuasaan Undang-undang • Majlis syura • Kehakiman 	<p>[4 markah]</p> <p>4 Isi X 1 m</p>
6	(a)	(i)	<p>Pengertian khalifah</p> <p>lah pengganti, wakil Allah SWT yang dipertanggungjawabkan mengatur kehidupan dan memakmurkan alam berdasarkan syariat Islam.</p>	<p>[2 markah]</p> <p>1 Isi X 2 m</p>

No Soalan		Skema	Markah
	(ii)	Empat ciri khalifah yang dikehendaki dalam Islam 1. Bertaqwa kepada Allah SWT 2. Bijaksana dan berpandangan jauh 3. Berani menghadapi cabaran. 4. Amanah terhadap tugas 5. Berilmu dan beramal dengan ajaran Islam. 6. Adil dalam pentadbiran	[4 markah] 4 Isi X 1 m
	(iii)	implikasi pengabaian tugas khalifah. 1. Pemberontakan dan rasa tidak puas hati rakyat akan berlaku (1m) secara berleluasa (1m) menyebabkan sistem pemerintahan negara menjadi kucar kacir (1m) dengan itu negara berada dalam huru-hara (1m) 2. Rasuah (1m) akan berleluasa dalam negara. (1m) menyebabkan ekonomi negara menjadi mundur (1m) kesannya negara akan di jajah oleh kuasa asing (1m) <ul style="list-style-type: none"> • Mana-mana jawapan yang munasabah diterima 	1 isi X 1 m 1 Huraian X 1 m 1 Contoh X 1 m 1 Kesimpulan X 1 m [4markah]
(b)	(i)	Tanggungjawab rakyat terhadap negara 1. Menumpukan taat setia kepada negara (1m) dengan menjaga keselamatan negara dengan baik (1m) daripada ancaman musuh (1m) kesannya negara akan aman (1m) 2. Mendaulatkan undang-undang negara (1m) dengan mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan (1m) seperti undang-undang jalan raya (1m) kesannya negara menjadi lebih selamat (1m) <ul style="list-style-type: none"> • Mana-mana jawapan yang munasabah diterima 	2 isi X 1 m 2 Huraian X 1 m 2 Kesimpulan X 1 m [6 markah]
	(ii)	Hak yang mesti diperolehi oleh rakyat dalam sesebuah negara 1. Hak memilih pemimpin (1m) yang adil (1m) dengan itu dapat menguruskan negara dengan cara yang telah ditetapkan oleh Allah SWT (1m) akhirnya negara bertambah maju (1m) 2. Hak untuk mendapat pendidikan (1m) yang sempurna (1m) seperti pendidikan dunia dan akhirat (1m) kesimpulannya dapat memajukan diri sendiri. (1m) <ul style="list-style-type: none"> • Mana-mana jawapan yang munasabah diterima 	1 isi X 1 m 1 Huraian X 1 m 1 Contoh X 1 m 1 Kesimpulan X 1 m [4markah]
7	(a)	(i) Sumber-sumber kehakiman Islam 1. Al-Quran : Kalam Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad melalui perantaraan Malaikat Jibril atau secara langsung untuk membimbing manusia ke jalan yang benar demi kebahagiaan mereka di dunia dan akhirat 2. Al-Sunnah: Segala perkataan, perbuatan atau pengakuan Rasulullah tentang sesuatu perkara yang melibatkan hukum Islam. 3. Al-Ijmak : Persepakatan para ulamak mujtahid tentang sesuatu perkara yang tidak dinyatakan dengan jelas hukumnya di dalam al Quran dan al Hadis 4. Al-Qias : Menyandarkan hukum bagi sesuatu perkara baru kepada sesuatu perkara yang telah termaktub hukumnya di dalam al Quran dan al Sunnah kerana persamaan dari segi sebabnya / Illat. Contoh : Pengharaman tuak diqiaskan dengan pengharaman	[4 markah] 4 Isi X 1 m

No Soalan		Skema	Markah
		arak	
	(ii)	<p>Matlamat sistem sosial Islam</p> <ol style="list-style-type: none"> Untuk mendapat keredaan Allah SWT (1m) dengan mengamalkan sistem sosial yang dianjurkan oleh Islam (1m) dengan itu kehidupan akan sentiasa direai Allah SWT Untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat (1m) dalam kehidupan seharian (1m) kesimpulannya kehidupan menjadi lebih aman dan selesa (1m) Untuk merealisasikan keadilan sosial (1m) <ul style="list-style-type: none"> • Mana-mana jawapan yang munasabah diterima 	<p>2 isi X 1 m 2 Huraian X 1 m 2 Kesimpulan X 1 m</p> <p>[6markah]</p>
(b)	(i)	<p>Ciri sistem sosial Islam yang bersifat Rabanni</p> <ol style="list-style-type: none"> Ciptaan Allah SWT melalui al-Quran dan hadis (1m) yang bersih daripada kekurangan (1m) kesimpulannya sistem sosial Islam sangat sempurna. (1m) Perhubungan sesama manusia (1m) adalah berdasarkan atas dasar takwa dan keimanan kepada Allah SWT. (1m) akhirnya pergaulan sesama manusia adalah mengikut lunas-lunas Islam agar hidup lebih harmoni Sentiasa mengamalkan akhlak yang mulia (1m) dalam pergaulan seperti sentiasa mengutamakan kepentingan umum daripada kepentingan individu (1m) dengan itu semua orang mendapat haknya. (1m) <ul style="list-style-type: none"> • Mana-mana jawapan yang munasabah diterima 	<p>2 isi X 1 m 2 Huraian X 1 m 2 Kesimpulan X 1 m</p> <p>[6markah]</p>
	(ii)	<p>Dua tanggungjawab sebagai hamba Allah SWT</p> <ol style="list-style-type: none"> Belajar dengan bersungguh-sungguh dalam semua bidang ilmu Mentaati segala perintah Allah dan Rasul seperti melaksanakan segala suruhanNya dan meinggalkan segala laranganNya Menghindarkan diri daripada gejala negatif seperti mengumpat <ul style="list-style-type: none"> • Mana-mana jawapan yang munasabah diterima 	<p>[4 markah] 2 Isi X 2 m</p>

SOALAN TAMAT